



24 Oktober 2017  
24 October 2017  
P.U. (A) 323

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN  
*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN)  
(NO. 9) 2017

*INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 9) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 9) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 9) 2017**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 6 September 2017.

**Pengecualian**

2. (1) Menteri mengecualikan orang yang tidak bermastautin di Malaysia daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan yang diperoleh dari Malaysia berhubung dengan—

(a) perkhidmatan yang disebut dalam perenggan 4A(i) Akta; atau

(b) nasihat, bantuan atau perkhidmatan teknikal yang disebut dalam perenggan 4A(ii) Akta,

yang diberikan atau dilaksanakan oleh orang itu di luar Malaysia.

(2) Tiada apa-apa dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan orang itu daripada mematuhi apa-apa kehendak bagi mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau untuk memberikan apa-apa maklumat lain, di bawah Akta.